

BERITA HARIAN

DATE: 21/12/2007

'Jadikan musyawarah sebagai budaya'

KEPALA BATAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat pelbagai bangsa dan agama supaya menjadikan amalan musyawarah sebagai satu daripada ciri penduduk negara ini.

Perdana Menteri berkata, amalan itu akan melahirkan masyarakat saling bekerjasama dan hormati menghormati antara satu sama lain, sekaligus mewujudkan masyarakat penyayang.

Katanya, amalan itu perlu menjadi

budaya masyarakat Malaysia supaya negara terus kekal aman dan rakyat dapat hidup dalam suasana harmoni.

"Apabila wujud masyarakat penyayang, ia akan menghilangkan sikap permusuhan, perasaan syak wasangka atau perasaan negatif atau cakap-cakap yang boleh membawa keadaan yang tidak baik dan perasaan tidak melambangkan kasih sayang.

"Oleh itu, kita perlu ingat apa juga yang berlaku di negara kita, negara

ini perlu terus aman dan maju," katanya ketika berucap pada majlis sambutan Aidiladha di Masjid Kampung Tok Bedu dekat sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia terdiri daripada rakyat pelbagai agama, tidak pernah berlaku dalam sejarah negara ini tercetus pergaduhan yang membabitkan agama.

Katanya, apa juga masalah yang timbul berkaitan dengan agama diselesaikan secara bijaksana mene-

rusi perbincangan bagi mencari jalan penyelesaian.

"Cara kita selesai masalah ialah menerusi musyawarah, tolong menolong dan hormat menghormati. Inilah yang perlu menjadi ciri bangsa kita iaitu bangsa Malaysia

"Ini akan terus menjadi budaya kita apabila timbul sesuatu perkara yang tidak baik," katanya sambil menambah musyawarah akan meningkatkan perpaduan dan kerjasama di kalangan rakyat.